



Rujukan Kami : PMS/UP/656-3 Jld. 4(29)  
Tarikh : 29 Disember 2016 / 30 Rabiulawal 1438H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH**  
**BIL. 4/2016**

**PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan gesaan untuk memastikan **Penggunaan Sistem ePerolehan (eP)** ke tahap paling optimum dalam pelaksanaan perolehan kerajaan di semua Jabatan/Agensi, pejabat ini suka untuk mengingatkan akan peruntukan di bawah 1 Pekeliling Perbendaharaan, PK5 (1)(ii)(a) (1pp.treasury.gov.my) yang memohon sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah peruntukan tahunan bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan (tidak termasuk perunding) dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian iaitu melalui Sistem eP.

3. Oleh yang demikian, pejabat ini ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dalam memastikan sasaran dan gesaan penggunaan eP ini dapat dilaksanakan sepenuhnya di Jabatan/Agensi masing-masing bermula pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( MOHD YUNUS BIN CHARLIE CHARINGTON )**  
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

## PK5 PEROLEHAN SECARA ELEKTRONIK

### 1. Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan

#### (i) Latar Belakang

- (a) Sistem perolehan Kerajaan secara elektronik yang dikenali sebagai sistem eP telah dilaksanakan mulai tahun 1999 bagi membolehkan agensi Kerajaan membuat perolehan bekalan/perkhidmatan secara atas talian sepenuhnya (*end-to-end*) dengan pembekal. Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya semua urusan perolehan bekalan/perkhidmatan Kerajaan Persekutuan dilaksanakan melalui sistem eP. Pada masa ini, modul-modul di bawah sistem eP adalah modul Pendaftaran Pembekal, Pembelian Terus, Kontrak Pusat, Kontrak Kementerian, Sebut Harga, Tender dan *eBidding*.
- (b) Kementerian Kewangan telah menubuhkan satu unit khas iaitu Unit eP untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan sistem eP yang dibangunkan oleh Syarikat Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) secara *Build, Own and Transfer* (BOT).

#### (ii) Pelaksanaan eP

- (a) Semua PTJ yang eP enabled hendaklah memastikan sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah peruntukan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan perunding) dilaksanakan melalui sistem eP. Peruntukan tahunan yang dimaksudkan adalah peruntukan bagi bekalan dan perkhidmatan daripada peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan yang telah diluluskan untuk tahun berkenaan.

#### (iii) Tanggungjawab Agensi

Ketua agensi adalah bertanggungjawab memastikan peruntukan telah disediakan dalam Anggaran Belanjawan yang diluluskan sebelum sesuatu perolehan dibuat.

Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan eP di Agensi. Bagi membantu pelaksanaan eP, dua (2) pasukan iaitu Pasukan Petugas Kementerian dan Pasukan Pelaksana Agensi ditubuhkan.